



NOTIS SEBUT HARGA
PEJABAT DAERAH PORT DICKSON
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)

1. Kontraktor-kontraktor **G2** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor adalah dipelawa untuk memasuki sebut harga berikut:-

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KATEGORI/ PENGKUSUSAN / SYARAT-SYARAT	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
022/2020	Kerja-Kerja Meroboh Balairaya Dan Membina Baru Dewan Terbuka Kg Baru Site A	Gred: G2 Kategori: B & CE Pengkhususan: B04 & CE21	21 Julai 2020 (Selasa) *12.00 tghari *Tingkat 1, Unit Pembangunan PTPD

2. Dokumen sebut harga yang berharga **RM50.00** senaskah boleh didapati dari tarikh **14 Julai 2020 (Selasa)** hingga **21 Julai 2020 (Selasa)** di Tingkat 1, Unit Pembangunan, Pejabat Daerah Port Dickson yang beroperasi pada ketetapan seperti berikut :

TARIKH	HARI	MASA
14 – 21 Julai 2020	Isnin - Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang
	Jumaat	9.00 pagi – 11.00 pagi 2.30 petang – 4.00 petang

3. **TIADA** taklimat dan lawatan tapak dilaksanakan, namun maklumat terperinci bagi setiap sebut harga adalah seperti dipautan **pdtpd.ns.gov.my**.

4. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah sahaja. Untuk mendapatkan dokumen sebut harga, kontraktor (pemilik syarikat) dikehendaki membawa Sijil Pengesahan Pendaftaran sebagai Kontraktor daripada **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)-Taraf Bumiputera, CIDB (Perakuan Pendaftaran), CIDB - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK), Kad Pengenalan dan Cop Syarikat**. Sijil-sijil tersebut hendaklah sah tarikh tamat tempoh sehingga **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup sebut harga ini.

5. Kontraktor-kontraktor juga dikehendaki berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**.

6. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Tingkat 1, Unit Pembangunan PTPD sebelum jam **12.00 tengahari pada 21 Julai 2020 (Selasa)**.

7. Kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil tindakan dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakkan sosial oleh KKM dan MKN untuk proses pengambilan dan penyerahan dokumen sebut harga secara manual ke Pentadbiran ini.


8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau mana-mana sebut harga.

9. Kerajaan Negeri berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak kontraktor kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KHAIRY BIN MAAMOR)

Pegawai Daerah
Port Dickson